

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA	
Bendahara	Pembesar yang berperanan sebagai ketua pentadbir, ketua turus angkatan tentera, penasihat sultan dan pemangku sultan
Empayar	Sebuah kerajaan (pemerintah) yang tertinggi dan berdaulat yang menguasai daerah yang luas atau beberapa buah daerah dengan diketuai oleh seorang maharaja
Hukum Kanun Melaka	Undang-undang yang membincangkan jenayah, bidang kuasa sultan, kekeluargaan, ekonomi
Inskripsi	Sesuatu (kata, ungkapan, lambang dan sebagainya) yang ditulis atau diukir pada permukaan sesuatu (tugu, duit syiling, dan lain-lain lagi). Inskripsi juga dikenali sebagai prasasti atau batu bersurat
Kawasan Pegangan	Kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat
Kedaulatan	Lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan, hak mutlak sultan mengawal rakyat dan wilayah
Kerajaan	Muncul disebabkan adanya raja
Keunggulan	Kesempurnaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan
Laksamana	Pembesar yang berperanan sebagai panglima angkatan laut Melaka
Nakhoda	Berkuasa penuh dan ibarat raja dalam pelayaran
Penghulu Bendahari	Pembesar yang dilantik untuk mengurus perbendaharaan
Raja	Tonggak utama kerajaan, merupakan pemerintah tertinggi
Rakyat	Penduduk di dalam sesebuah wilayah yang setia kepada raja dan tidak menderhaka
Sistem Pembesar Empat Lipatan	Tonggak pentadbiran Melaka. Raja yang bergelar sultan dibantu oleh empat pembesar utama iaitu bendahara, temenggung, penghulu bendahari laksamana
Syahbandar	Pembesar yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan
Srivijaya	“sri” bermaksud bercahaya dan “vijaya” bermaksud kemenangan
Temenggung	Pembesar yang dilantik untuk menjaga keselamatan kota Melaka
Tulah	Bererti kecelakaan yang menimpa seseorang kerana melanggar larangan atau titah raja dan menderhaka kepada raja
Undang-Undang Laut Melaka	Mengandungi perkara berkaitan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percukaian
Waadat	Perjanjian, contoh perjanjian yang dilakukan oleh Demang Lebar Daun yang mewakili golongan diperintah dengan Sang Sapurba yang mewakili golongan pemerintah
Wilayah naungan	Wilayah yang menerima Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui perkahwinan atau persahabatan. Misalnya, Kedah
Wilayah Pengaruh	Kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat
Wilayah Taklukan	Wilayah yang diperoleh melalui peperangan. Misalnya, Pahang

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME	
<i>Al-Imam</i>	Akhbar yang memuatkan idea pembaharuan
Arya Samaj	Pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempat kesan daripada pengaruh budaya Barat
Aung San	Pemimpin Parti Do Bama Asiayone (Kami Orang Burma) yang menggelarkan diri sebagai "Thakin" yang bermaksud tuan dan menegaskan orang Burma mesti bertuankan orang Burma
Bal Gangadhar Tilak	Pemimpin yang menggerakkan semangat penentangan secara militan terhadap British
Bill of Right	Memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai
Bipin Chandra Pal	Pemimpin yang menggerakkan semangat penentangan secara militan terhadap British
Brahmo Samaj	Pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempat kesan daripada pengaruh budaya Barat
<i>Bulan Melayu</i>	Majalah yang memuatkan berita kemajuan dan pendidikan wanita
<i>Cerita Awang Putat</i>	Karya yang mengungkapkan keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat
<i>loche Felee</i>	Akhbar yang menerbitkan kritikan penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat Vietnam
Cina Peranakan	Masyarakat Cina yang dilahirkan di Negeri-Negeri Selat
Dahagi India	Pemberontakan yang telah dilancarkan oleh sepoi atau askar upahan British berbangsa India
Dr. Sun Yat Sen	Mempelopori gerakan kebangkitan di China. Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i) iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial
Emilio Aguinaldo	Memimpin Katipunan dengan Andres Bpnifasio telah melancarkan Revolusi Filipina pada 1892 untuk menyingkirkan Sepanyol tetapi gagal
<i>Fajar Sarawak</i>	Wadah bagi mengkritik dasar pemerintahan Brooke yang mengabaikan hak dan kepentingan bumiputera Sarawak
Gerakan Islah	Merujuk kepada gerakan pemulihan Islam yang dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh
Gerakan Propaganda	Bermaksud gerakan yang dipimpin oleh Jose Rizal yang menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol yang mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol
Golongan Mandarin	Pembesar yang menerima pendidikan Confucius
Golongan Thakin	Menubuhkan Parti Do Bama Asiayone (Kami Orang Burma) unruk memperjuangkan kemerdekaan Burma
<i>Hilang Gelap Terbitlah Terang</i>	Karya yang ditulis oleh Raden Adjeng Kartini mendedahkan penindasan penjajah Belanda dan kemunduran bangsa Indonesia
Isu Kasut	Perbuatan orang British yang memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha. Perbuatan ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha
Jawaharlal Nehru	Perdana Menteri pertama India

Disediakan Oleh: DR AZIZAN BT ZAMHARI

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

<i>Jawi Peranakan</i>	Akhbar yang menyebarkan maklumat menegur campur tangan British dalam hal ehwal agama Islam di Singapura dan isu Bahasa Melayu
Jose Rizal	Menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892 untuk mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina
Kalayan	Akhbar yang digunakan oleh Katipunan untuk menyebarkan idea revolusi di Filipina
Katipunan	Gerakan revolusioner yang ditubuhkan oleh Andres Bonifasio untuk menuntut kemerdekaan
Khalifah Abdul Hamid II	Pemerintah empayar Uthmaniyah yang menggerakkan idea Pan-Islamisme
KMM	Kesatuan Melayu Muda berjuang melalui akhbar <i>Majlis</i> dan berhasrat untuk menentang British melalui gagasan Melayu Raya
KMS	Kesatuan Melayu Singapura memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan
Kongres Kebangsaan India	Pertubuhan politik untuk menyuarakan pandangan tentang nasionalisme
<i>Lat Pau</i>	Orientasi dan aspirasi penulisan akhbar cenderung ke arah negara asal mereka
Liga Muslim	Pertubuhan politik untuk menyuarakan pandangan tentang nasionalisme
Madrasah al-Masyhur	Institusi pendidikan moden yang juga meniupkan semangat baharu dalam kalangan pelajar pada awal abad ke-20
Maharaja Mikado Meiji	Melancarkan gerakan pemulihan Jepun dengan menekankan pemodenan mengikut model Barat
Maktab Melayu Kuala Kangsar	Institusi yang melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris dan berperanan dalam perkembangan nasionalisme
Maktab Perguruan Sultan Idris	Institusi yang melahirkan guru menulis karya tentang nasionalisme
MIA	Malayan India Association khusus untuk golongan India yang dilahirkan di Tanah Melayu
Majlis Am Sanga Samagyi	Ditubuhkan oleh golongan sami Buddha dan mencetuskan Pemberontakan Saya San
Muhammad Ali Jinnah	Gabenor Jeneral Pakistan
Muhammadiyah	Pertubuhan yang ditubuhkan untuk mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat
Nasionalisme	Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara
Pan-Islamisme	Seruan penyatuan persaudaraan umat Islam di seluruh dunia unruk bangkit menghalang peluasan kuasa Barat. Idea ini disebarkan melalui akhbar <i>al-Urwah al-Wuthqa</i>
Parti Komunis Indonesia	Parti politik yang menuntut kemerdekaan Indonesia
Parti Komunis Vietnam	Parti yang diterajui oleh Ho Chi Minh
Parti Nasionalis Indonesia	Parti politik yang menuntut kemerdekaan Indonesia diterajui oleh Soekarno

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Parti Rakyat	Ditubuhkan oleh Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshall Phibulsongkram untuk melancarkan Revolusi Thailand
PASPAM	Persatuan Sahabat Pena ditubuhkan untuk menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat
Persatuan Belia Buddha	Persatuan yang ditubuhkan pada tahun 1906 untuk mengekalkan tradisi Buddha, pendidikan dan kebudayaan Burma
Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia	Pertubuhan yang dipelopori oleh. Soekarno untuk memperjuangkan kemerdekaan
Pongyi	Sami Buddha di Burma yang menentang imperialisme British
Prinsip dan semangat <i>bushido</i>	Sikap yang sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita dan sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara. <i>Bushido</i> dijadikan asas membina nasionalisme semasa era pemulihan Meiji
<i>Putera Gunung Tahan</i>	Karya Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako menyindir penjajah dan mengingatkan anak bangsa akan kepentingan menikmati kebebasan
Revolusi	Perubahan sesebuah kerajaan, sistem politik atau sistem sosial yang dilakukan secara radikal dan besar-besaran
Raja Chulalongkorn	Meneruskan pemodenan dan dasar terbuka Raja Mongkut
Raja Mongkut	Melakukan pemodenan di Thailand dan bersahabat dengan dengan Barat
Raja Vajiravudh	Kelemahan pemerintahannya menimbulkan kegelisahan rakyat Thailand
Revolusi Amerika	Reaksi orang Amerika menentang penjajahan British untuk melindungi hak mereka
Revolusi China	Berlaku pada 1911 yang Berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu dan kemunculan pemerintahan republic di China
Revolusi Keagungan	Menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat
Revolusi Pelajar	Di Burma yang menuntut penubuhan universiti untuk mereka
Revolusi Perancis	Memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis seperti Voltaire
Sarekat Islam	Parti politik yang menuntut kemerdekaan Indonesia
Satyagraha	Bermaksud berpegang teguh kepada kebenaran Mahatma Gandhi menjadikan pegangan ini untuk menggerakkan nasionalisme di India
Saya San	Bekas pongyi yang mengetuai Pemberontakan Saya San
SCBA	Persatuan Orang Cina Peranakan British mengga'akkan pelajaran tinggi dan teknikal dalam kalangan masyarakat Cina
Sekularisme	Fahaman yang berasaskan pemisahan agama daripada hal-hal duniawi
Sergio Osmena	Pemimpin Parti Nasionalis yang dilantik mengangotai Dewan Perhimpunan Filipina pada tahun 1907 untuk menuntut kemerdekaan

Disediakan Oleh: DR AZIZAN BT ZAMHARI

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

<i>Serunai Pujangga</i>	Puisi yang ditulis oleh Abdul Samad Ahmad yang bertemakan cinta akan negara
“Sumpah Pemuda”	Menjadi tonggak nasionalisme di Indonesia yang mempunyai tiga asas iaitu satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa
Syed Sheikh al-Hadi	Tokoh yang menggerakkan idea pembaharuan dalam masyarakat
<i>Tamil Nesan</i>	Kandungannya memperjuangkan kepenringan politik dan sosial masyarakat India di negara ini
Thakin	Siswazah universiti di Burma yang menentang imperialisme British
<i>The Malay Mail</i>	Akhbar berbahasa Inggeris yang memuatkan perkembangan sosiopolitik dan ekonomi di negara kita
<i>The Social Contract</i>	Ditulis oleh Rousseau untuk mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat
<i>Tribune Indige</i>	Akhbar yang menerbitkan kritikan penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat Vietnam
U Ba Pe	Pemimpin yang mengambil alih Persatuan Belia Buddha dan menukar nama persatuan ini dengan nama Majlis Persatuan Am Kwsatuan Burma
<i>Utusan Melayu</i>	Mengetengahkan isu hak dan masa depan bangsa, polemic Kaum Muda dengan Kaum Tua serta isu pentadbiran, ekonomi dan sosial
Viet Nam Quoc Dang Dang	Atau Parti Nasionalis Vietnam yang dipimpin oleh Nguyen Thai Hoc
Za'ba	Ketua Penterjemah Pejabat Karang Mengarang

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA	
<i>Blitzkrieg</i>	Serangan kilat. Kapal terbang Jerman mengebom sasaran musuh, diikuti dengan serangan kereta kebal dan tentera bermotosikal
CID	Criminal Intelligence Department atau Jabatan Siasatan Jenayah diperkenalkan untuk mengawal gerakan Islah Islamiah
Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson	Merangkumi dua prinsip iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa
<i>Double Tenth</i>	Pemberontakan Jesselton iaitu penentangan terhadap pendudukan tentera Jepun di Sabah yang diketuai oleh Albert Kwok
Enakmen	Undang-Undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri
Enakmen Undang-Undang Islam	Enakmen yang memastikan sesiapa yang mencetak dan mengedarkan tulisan berkaitan dengan agama dan politik Islam tanpa keizinan sultan boleh dikenakan hukuman penjara
Fasisme	Fahaman yang memberi keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan percaya kepada nasionalisme
"Fat Man"	Bom atom yang digugurkan oleh pihak Amerika Syarikat ke atas bandar Nagasaki
Fatwa	Pemberitahuan tentang sesuatu hukum syarak berdasarkan istinbat (usaha mengeluarkan hukum syarak berdasarkan dalil-dalil al-Quran atau hadis yang sedia ada) yang dilakukan oleh seseorang mufti
Force 136	Unit khas yang dibentuk oleh pihak British pada tahun 1943/00
Gerila	Perang yang dilakukan secara bersembunyi dan dalam kumpulan yang kecil
<i>Giyu Gun</i>	Pembela Tanah Air (PETA) ialah pasukan tentera sukarela yang ditubuhkan untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu
<i>Giyu Tai</i>	Pasukan yang membantu pertahanan pesisiran pantai dan menjaga ketenteraman awam
Hakko Ichiu	Semangat persaudaraan yang dibentuk melalui sistem persekolahan Jepun
Imperialis	Pihak yang melakukan penjajahan terhadap wilayah atau negara lain
Kad Catuan Makanan	Kad yang dikeluarkan oleh Pejabat Kawalan Makanan untuk merekodkan tarikh, jenis dan kuantiti barangan yang diperolehi oleh penduduk
<i>Kaeko Kokokai</i>	Persatuan Cina Seberang Laut anjuran Jepun yang menggabungkan persatuan Cina yang merangkumi dialek, daerah dan nama keluarga di bawah satu pertubuhan
Kaum Muda	Golongan yang terdiri daripada pemimpin agama dan ulama yang berusaha membetulkan pandangan masyarakat Melayu terhadap Islam
Kempeitai	Pasukan polis tentera yang ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun
Kimigayo	Lagu kebangsaan Jepun yang dinyanyikan di sekolah untuk memulakan perhimpunan pagi
<i>Kita Boruneo</i>	Gabungan Sarawak, Sabah dan Brunei semasa pendudukan Jepun
Koa Kunrenjo	Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda yang ditubuhkan oleh pentadbiran tentera Jepun
Kuasa Bersekutu	Kuasa utama dalam Perang Dunia Kedua yang terdiri daripada Britain, Amerika Syarikat, Perancis dan Rusia
Kuasa Paksi	Kuasa utama dalam Perang Dunia Kedua yang terdiri daripada Jerman, Itali dan Jepun

Disediakan Oleh: DR AZIZAN BT ZAMHARI

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Kuasa Tengah	Pakatan ketenteraan dalam Perang Dunia Pertama yang terdiri daripada Jerman, Austria-Hungary juga disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyah
Liga Bangsa-Bangsa	Ditubuhkan selepas tamat Perang Dunia Pertama yang berperanan memastikan keamanan dan mewujudkan kerjasama antarabangsa
"Little Boy"	Bom atom yang digugurkan oleh pihak Amerika Syarikat ke atas bandar Hiroshima
<i>Malai Baru</i>	Nama yang diberikan oleh pihak Jepun kepada Tanah Melayu
Mustafa Kemal Atatürk	Pemimpin kerajaan Turki bercorak republik
Nazisme	Nazisme adalah satu gerakan pimpinan Adolf Hitler, mengagungkan bangsa Jerman
Negara Berkecuali	Negara yang tidak memihak kepada Kuasa Paksi atau Kuasa Bersekutu. Negara tersebut adalah seperti Sepanyol, Portugal dan Turki
Nippon Go	Pengajaran bahasa Jepun dijalankan secara meluas untuk menjadikan bahasa Jepun sebagai <i>lingua franca</i> dalam Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya
Nippon Seishin	Pendidikan menekankan semangat Jepun, menghormati kebudayaan dan Maharaja Jepun (Tenno Heika)
Order Baharu	Rancangan Jepun untuk menyingkirkan kuasa imperialis Barat di Asia dan menganjurkan perkongsian kuasa serta kekayaan yang lebih adil dalam kalangan negara di Asia
Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting	Diperkenalkan untuk mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan
Operasi Barbarossa	Serangan besar-besaran yang dilancarkan oleh Hitler untuk menyerang Rusia
Operasi kod "D-Day"	Operasi dalam Perang Dunia Kedua yang membolehkan tentera Bersekutu memasuki Jerman dari arah barat
Operasi Semut	Siri operasi peninjauan yang dilakukan oleh Unit Khas Z Australia sebagai sebahagian daripada kempen tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak
Operasi Zipper	Serangan besar-besaran yang dilancarkan oleh pihak British untuk menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945
Pakatan Bertiga	Pakatan ketenteraan dalam Perang Dunia Pertama yang terdiri daripada Britain, Perancis dan Rusia juga disertai oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece
Pakatan Tiga Negara	Jepun menandatangani perjanjian dengan Jerman dan Itali pada tahun 1940 yang menjadikan Jepun terikat dengan Kuasa Paksi
Pan-Islamisme	Seruan penyatuan persaudaraan umat Islam di seluruh dunia untuk bangkit menghalang kuasa Barat
Perang Pasifik	Perang Dunia Kedua yang berlaku di Asia Pasifik pada tahun 1941 hingga 1945
Persidangan Damai Paris	Diadakan pada 18 Januari 1919 untuk membincangkan syarat-syarat perdamaian selepas Perang Dunia Pertama
Perjanjian Versailles	Ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919
Romusha	Buruh paksa yang digunakan oleh Jepun untuk membina Landasan Keretapi Maut

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Sekatan Ekonomi	Tindakan menghentikan perdagangan serta membekukan semua hartamilik Jepun di wilayah yang dikuasai oleh British, Amerika Syarikat dan Belanda
Semangat Asia	Slogan yang digunakan oleh pihak Jepun untuk menanamkan semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia
Serangan Kilat	Strategi yang digunakan oleh tentera Jepun iaitu menyerang dengan kombinasi angkatan tentera darat, udara dan laut untuk menawan Tanah Melayu
<i>Syonan-to</i>	Nama yang diberikan oleh pihak Jepun kepada Singapura
“wang pokok pisang”	Mata wang Jepun yang dicetak tanpa kawalan
Vladimir Lenin	Pemimpin pertama kerajaan komunis di Rusia

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA	
Ajibah Abol	Guru yang mengetuai kaum wanita untuk bergabung tenaga dengan gerakan antipenyERAHAN dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Sarawak
BARIP	Barisan Pemuda Sabah
British Military Administration (BMA)	Pentadbiran British yang diperkenalkan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat
Gerald T. MacBryan	Setiausaha Vyner Brooke yang menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan desakan untuk mendapatkan persetujuan tentang pENTERAHAN Sarawak daripada ketua tempatan
H.C.Willan	Meninjau sokongan Raja-raja Melayu terhadap British
Johari Anang	Pengerusi persidangan yang dianjurkan untuk mengadakan demonstrasi pada setoap 1 Julai kerana menentang penyerahan Sarawak kepada British
<i>Jus soli</i>	Syarat kewarganegaraan berdasarkan tempat lahir
Kertas Putih 6274	Membentangkan 13 perkara kandungan Malayan Union yang diluluskan oleh Parlimen British di London pada 22 Januari 1946
<i>Majlis</i>	Akhbar yang diterbitkan di Kuala Lumpur, menyiarkan rencana yang menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union
Malayan Union	Gagasan pentadbiran yang diperkenalkan bagi menggantikan BMA untuk melicinkan pentadbiran, meningkatkan pelaburan, mengukuhkan pertahanan dan mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja
PASPAS	Persaudaraan Sahabat Pena Sabah
Pekeliling No.9/1946	Melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyERAHAN
Perlembagaan 1941	Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak
Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)	Menghantar surat kepada kerajaan British di London bagi menyatakan bantahan mereka terhadap penjajahan Sarawak
Referendum	Sistem pungutan suara untuk membuat keputusan dalam politik
Royalist	Kapal yang dinaiki oleh Sir Harold MacMichael tiba di Port Swettenham, Selangor
Rukun 13	Pertubuhan yang ditubuhkan secara sulit oleh PPM untuk menghapuskan pegawai tinggi British di SibU, Sarawak
Sarawak Dayak Association (SDA)	Pertubuhan orang Dayak dengan 500 orang ahli
Sir Edward Twining	Gabenor British yang pertama di Sabah
"Sungkit Berdarah"	Peristiwa pembunuhan Duncan Stewart oleh Rosli Dhobi
UMNO	United Malays National Organisation ditubuhkan untuk menentang Malayan Union
<i>Utusan Melayu</i>	Akhbar yang diterbitkan di Singapura, menyiarkan rencana yang menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union
<i>Utusan Sarawak</i>	Akhbar yang diterbitkan pada bulan Januari 1946, digunakan sebagai saluran untuk menyebarkan tentangan mereka terhadap penyerahan Sarawak

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Vyner Brooke	Beliau menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946
<i>Warta Negara</i>	Akhbar yang diterbitkan di Pulau Pinang, menyiarkan rencana yang menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union
Young Malay Assiciation (YMA)	Pertubuhan yang ditubuhkan golongan pro penyerahan untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU	
AMCJA	<i>All Malaya Council of Joint Action</i> ialah gabungan bukan Melayu yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. AMCJA yang kemudiannya bergabung dengan PUTERA terdiri daripada PMFTU, MDU dan MIC
API	Angkatan Pemuda Insaf diterajui oleh Ahmad Boestamam sebagai presiden
AWAS	Angkatan Wanita Sedar diketuai oleh Shamsiah Fakeh
BATAS	Barisan Tani Malaya diketuai oleh Musa Ahmad
GERAM	Gerakan Angkatan Muda diketuai oleh Aziz Ishak dan Abdul Samad Ismail
Dekolonisasi	Proses ke arah berkerajaan sendiri
Hartal	Tindakan tutup kedai dan memberhentikan semua kegiatan ekonomi oleh peniaga telah dianjurkan oleh PUTERA-AMCJA
Hizbul Muslimin	Diketuai oleh Abu Bakar al-Baqir
Jawatankuasa Kerja	Jawatankuasa yang dibentuk untuk merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
MIC	Malayan Indian Congress diketuai oleh John Thivy sebagai presiden
Persekutuan	Gabungan beberapa buah negeri di bawah satu unit pentadbiran. Pentadbiran kerajaan Persekutuan dibahagikan kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri
Piagam Atlantik	Dirangka oleh Britain dan Amerika Syarikat. Prinsip piagam ini berkaitan dengan matlamat pelan tindakan untuk dunia selepas berlakunya peperangan supaya tiada lagi peluasan wilayah
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya dipengerusikan oleh Dr. Burhanuddin a-Helmi
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat yang terdiri daripada gabungan pertubuhan Melayu iaitu PKMM, API, GERAM, Hizbul Muslimin, BATAS dan AWAS
Rakyat Raja	Orang Melayu dan Orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan
Rakyat British	Mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain
<i>Suara Rakyat</i>	Akhbar yang menjadi wadah untuk membuka minda rakyat ke arah idea ingin bebas dan merdeka ini diterbitkan oleh Ahmad Boestamam

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT	
Auxiliary Police(AP)	Berperanan membantu polis menenrang komunis dengan mempertahankan Bandar dan kampong daripada serangan komunis
Bintang Tiga	Atau MPAJA dibentuk oleh PKM dan bekerjasama dengan British dalam usaha memerangi Jepun
Cawangan Khas	Atau Special Branch (SB) ialah badan risikan yang berperanan menjalankan risikan untuk memerangi komunis
Comintern	The Communist International yang berpusat di Moscow mengarahkan penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN) tetapi gagal mencapai matlamatnya lalu mengarahkan penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM)
Darurat	Keadaan susah yang datang dengan tidak disangka-sangka
Gerila	Sekumpulan pejuang bilangan kecil, mudah bergerak dan mudah berubah-ubah tanpa barisan hadapan rasmi
Home Guard	Pasuka Pengawal Kampung yang bertugas membantu menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubatan darada jatuh ke tangan komunis
Kawasan Hitam	Kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung
Kawasan Putih	Kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis
Kekosongan Politik	Tempoh tiada pemerintah
Kesatuan Sekerja	Kesatuan yang digunakan oleh PKM untuk mengukuhkan pengaruh komunis
Komunis	Orang yang mengamalkan fahaman komunis
Komunisme	Suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara
Kuomintang	Parti Kebangsaan China ditubuhkan oleh Dr. Sun Yat Sen selepas Revolusi 1911
MCA	Ditubuhkan oleh Tan Cheng Lock untuk meyakinkan British bahawa bukan semua orang Cina menyokong komunis
Main School	Pertubuhan yang bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC)
Min Yuen	Organisasi Massa yang ditubuhkan untuk mendapatkan bekalan makanan, senjata, maklumat, ubat-ubatan dan wang kepada komunis
Ordinan	Undang-undang yang digubal, dipinda, dan dibahas yang dibuat oleh Dewan Undangan Sarawak serta Sabah sebelum kemerdekaan
Pasukan Askar Komanwel	Pasukan askar dari negara bekas tanah jajahan British seperti India dan Australia yang turut membantu memerangi komunis di Tanah Melayu
Parti Perikatan	Gabungan UMNO, MCA dan MIC
Pasukan Askar Melayu	Bertugas membanteras gerila komunis di dalam hutan
Perang Saraf	Rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat
Perintah Berkurung	Tindakan melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu
PKI	Parti Komunis Indonesia berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

PMFTU	Pan-Malayan Federation of Trade Union adalah kesatuan sekerja yang dipengaruhi oleh PKM
Polis Hutan	Pasukan yang ditubuhkan untuk memburu komunis, membuat rondaan di pinggir hutan, membawa bekalan makanan kepada pasukan yang bertugas di dalam hutan dan menjaga kubu
Rancangan Briggs	Langkah untuk memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen
Rundingan Baling	Pertemuan Tunku Abdul Rahman dengan pemimpin PKM di Baling untuk meminta Chin Peng membubarkan PKM, meletakkan senjata dan menyerah diri
Sabotaj	Perbuatan memusnahkan harta benda musuh dan lain-lain semasa pertelingkahan politik
Sarawak Rangers	Pasukan ini terdiri daripada orang Iban yang bertugas menjejak persebunyian komunis di dalam hutan
Senoi Praaq	Atau Urang Perang ialah pasukan yang ditubuhkan pada tahun 1956 untuk mengesan tempat persebunyian komunis di dalam hutan. Mereka terdiri daripada Orang Asli suku Senoi, Semai dan Temuan. Pasukan ini juga dikenali sebagai "The Silent Killer".
Sistem Pendaftaran Kebangsaan	Penggunaan kad pengenalan untuk mengawal pergerakan penduduk yang membezakan orang awam dengan komunis
Special Constables	Pasukan yang ditubuhkan pada tahun 1948 ketika Rancangan Briggs sedang dilaksanakan untuk mengawal lading dan kawasan lombong
Trade Union Ordinance No. 9 of 1948	Ordinan yang menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja dan akhirnya mengharamkan PKM
Undang-Undang Darurat	Undang-Undang Darurat digunakan untuk melaksanakan perintah darurat

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN	
AMCJA	All Malaya Council of Joint Action diketuai oleh Tan Cheng Lock
CLC	Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee ditubuhkan pada bulan Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum
IMP	Independence of Malayan Party diasaskan oleh Dato' Onn Jaaafar untuk melaksanakan idea "Tanah Melayu untuk Malayan"
Konvensyen Kebangsaan	Dianjurkan oleh UMNO dan MCA untuk membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu
KMM	Kesatuan Melayu Muda pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya
Laporan Barnes 1951	Jawatankuasa Pelajaran Melayu yang dipengerusikan oleh L.J.Barnes
Laporan Fenn-Wu	Diterbitkan berikutan dengan bantahan daripada masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes
Laporan Woodhead	Meninjau perkembangan pendidikan seterusnya membuat cadangan tentang pendidikan di Sarawak dan Sabah
MIC	Malayan Indian Congress diasaskan oleh John Thivy meletakkan objektif untuk bekerjasama dengan kaum lain dalam usaha memperjuangkan tanah air
Ordinan Pelajaran 1952	Bertujuan membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi Persekutuan
PAS	Parti Islam se-Tanah Melayu bercita-cita membina satu negara dan satu bangsa yang teguh dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal
Perlembagaan Rakyat	Mencadangkan pemerintahan sendiri, pembentukan Dewan Perundangan dan penerimaan satu kewarganegaran
Persidangan Kebangsaan	Berlangsung pada bulan Februari 1954 untuk membincangkan langkah membentuk gabungan politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu
Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956	Mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dengan hasrat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum
PKML	Parti Kebangsaan Melayu Labuan dipimpin oleh Tengku Noordin dan Zakaria Gunn menjalankan dasar tidak bekerjasama dengan penjajah dan menuntut Sabah dimerdekakan oleh British
PPP	People's Progressive Party ditubuhkan pada Januari 1953 untuk memperjuangkan hak yang sama untuk semua kaum
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi
Sekolah vernakular	Sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar
Sistem Ahli	Sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu
UMNO	United Malays National Organisation pimpinan Dato' Onn Jaafar berusaha menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

BAB 8: PILIHAN RAYA	
Jawatankuasa Pilihan Raya	Ditubuhkan pada 1 Februari 1954 dengan 46 orang ahli untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang dijalankan bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)
Kuasa Veto	Hak atau kuasa penuh yang diberi kepada pihak tertentu sahaja, kuasa pembatal
Model Westminster	Sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain
Parti Perikatan	Parti yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC
Pilihan Raya	Memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan
Pilihan Raya Perbandaran	Diadakan di peringkat bandar. Misalnya, George Town, Pulau Pinang untuk memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town
Pilihan Raya Umum Pertama	Diadakan untuk memilih seramai 52 orang anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)
Rang Undang-Undang Pilihan Raya PTM	Diluluskan untuk membolehkan Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan

BAB 9: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

Disediakan Oleh: DR AZIZAN BT ZAMHARI

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Demokrasi Berparlimen	Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya
Memorandum	Satu catatan atau peringatan untuk masa yang akan datang atau persefahaman perjanjian bertulis antara dua pihak untuk melaksanakan sesuatu projek usahasama
Parti Negara	Diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar pada bulan Februari 1954
Parti Rakyat	Diasaskan oleh Ahmad Boestamam
Pilihan Raya Umum 1955	Menjadi asas pembentukan perlembagaan ke arah berkerajaan sendiri
Raja Berperlembagaan	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu
Rombongan Kemerdekaan Tanah Melayu	Diketuai oleh Tunku Abdul Rahman ke London bagi membincangkan tentang perlembagan negara yang akan merdeka
Suruhanjaya Perlembagaan	Suruhanjaya ini juga dikenali sebagai Suruhanjaya Reid, berperanan merangka perlembagaan bagi negara kita.

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Bank Kebangsaan Melayu	Atau Malay National Bank merupakan bank pertama khusus untuk orang Melayu yang ditubuhkan di Klang Street, Kuala Lumpur oleh Maarof Zakaria
“baju muskat”	Pakaian khas untuk pegawai kerajaan yang diguna pada hari merdeka. Baju ini adalah sejenis pakaian dari negeri Kedah yang diubah suai lengkap dengan seluar satin hitam dan beraongket, bersamping. Dan tengkoloknya direka untuk menteri
Blok Sterling	Pembahagian dunia kepada dua buah blok berasaskan fahaman politik. Setiap anggota empayar British kecuali Kanada, Newfoundland, dan Hong Kong menggunakan mata wang paun sterling
Bunga Raya	Dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan
Demokrasi Berparlimen	Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka dirubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru, Johor sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelajaran
FELDA	Badan yang ditubuhkan pada tahun 1956 untuk memajukan tanah baharu secara besar-besaran bagi pertanian dan penempatan semula masyarakat
Jabatan Penerangan	Jabatan yang ditubuhkan untuk menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan di luar negara
Kedaulatan	Kuasa tertinggi yang diperoleh melalui perjuangan yang berlaku perlu dikekalkan bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara
Kedaulatan undang-undang	Kerajaan dan rakyat keseluruhannya tertakluk di bawah undang-undang
Kemerdekaan	Bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan. Negara yang merdeka, bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara
Kerajaan	Institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbir negara
Komanwel	Pertubuhan sukarela yang dianggotai oleh negara merdeka yang pernah dijajah oleh British
Lagu Negaraku	Dicipta sebagai lagu kebangsaan negara, liriknya ditulis oleh Saiful Bahari
Lambang kebangsaan	Lambang kebangsaan mempunyai nilai kedaulatannya dan menjadi simbol perpaduan seperti Jalur Gemilang, lagu kebangsaan, bendera kebangsaan dan bunga kebangsaan
Misi Pengaman	
Pembangunan Luar Bandar	Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan pada 17 November 1959 untuk membangunkan infrastruktur, sosial dan ekonomi luar bandar
Pengiktirafan sebagai rakyat	Membolehkan kita mendapat hak asasi, iaitu hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang seperti kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah sebuah pertubuhan antarabangsa yang ditubuhkan pada 24 Oktober 1945
Pusat Kesihatan dan Hospital	Ditubuhkan untuk meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar
Raja Berperlembagaan	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu

GLOSARI SEJARAH
TINGKATAN EMPAT

Rancangan Buku Merah	Dilancarkan pada 25 Januari 1961. Buku ini mengandungi projek berkaitan dengan kemudahan asas seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan elektrik
RM1	Rancangan Malaya Pertama 1956-1960 bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan tumpuan pada sektor luar Bandar.
<i>Terang Bulan</i>	Lagu negari Perak iaitu lagu asal lagu <i>Negaraku</i>
Wilayah Pengaruh	Merujuk kawasan yang mempunyai sempadan untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu

GLOSARI SEJARAH TINGKATAN EMPAT

Pendahuluan

Glosari Sejarah KSSM ini disusun untuk membantu murid memahami maksud konsep dan istilah yang terdapat di dalam buku teks sejarah. Hal ini memberi manfaat kepada murid bagi meningkatkan pemahaman dengan lebih menyeluruh kandungan teks sejarah. Oleh itu, kamus ini diharap akhirnya akan memudahkan murid memahami dan mengingat fakta seterusnya dapat menjawab soalan dengan baik.

Glosari ini mengandungi makna perkataan konsep dan istilah yang terdapat dalam 10 bab buku teks sejarah tingkatan empat KSSM. Perkataan konsep dan istilah ini disusun mengikut abjad bagi setiap bab. Hal ini memudahkan murid dan guru merujuk dan sangat sesuai dijadikan bahan bantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran.